

26 AUG 1996

M'SIA DAN CHINA TANDATANGANI 15 PERJANJIAN USAHA SAMA

Oleh: Zainoor Sulaiman

BEIJING, 26 Ogos (Bernama) -- Malaysia dan China hari ini menandatangani 15 perjanjian dan memorandum persefahaman (MoU) untuk mengusahakan projek usaha sama dalam bidang janakuasa, pembuatan kenderaan dan alat ganti, kilang keluli dan pembinaan lebuh raya.

Lima perjanjian telah ditandatangani di Great Hall, yang telah disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari China Li Peng manakala yang lain telah ditandatangani di China World Hotel, tempat dialog berkaitan Perkongsian China Malaysia diadakan.

Perjanjian itu termasuklah projek usaha sama untuk menubuhkan syarikat pembuatan enjin kereta -- Harbin Dong-An Mitsubishi Motors Engine Manufacturing Company --, satu usaha sama di antara Harbin Dong An Engine Manufacturing Company dari Aviation Industries, China, Harbin Aircraft Manufacturing Corporation dari China, Mitsubishi Motors Corporation (MMC) dari Jepun dan d MCIC Holding Sdn Bhd dari Malaysia.

MMC dan MCIC juga telah menandatangani perjanjian yang serupa dengan Shengyang Construction Investment Company bagi menubuhkan kilang yang seumpamanya di Shengyang dan ia juga telah menandatangani perjanjian untuk mengeluarkan enjin diesel dengan kilang enjin Shanxi Diesel.

DRM-Hicom menandatangani perjanjian dengan rakan usaha samanya untuk meningkatkan kilang kenderaan di Beijing untuk mengeluarkan koc mewah bagi perkhidmatan bas bandar dan antara bandar.

Ia juga telah menandatangani perjanjian bagi pengeluaran motosikal berkapasiti 100-150 cc dengan keupayaan pengeluaran permulaan 100,000 unit setahun dan boleh ditingkatkan kepada 500,000 setahun untuk memenuhi permintaan yang kian meningkat.

Business Focus Group, melalui anak syarikatnya, Business Focus Engineering Sdn Bhd, menandatangani perjanjian dengan China Aerospace International Holding Ltd (CASIL) untuk pembelian 50 peratus ekuiti Automobile Manufacturing Plant (Huahang Plant) di Guizhou.

YTL Corporation Berhad menandatangani perjanjian dengan China Power Investment Holding Company, Jiangxi Provincial Electric Power Corporation dan Jiangxi Provincial Investment Corporation bagi pelaburan dalam janakuasa berkapasiti 600 megawatt dengan anggaran pelaburan AS\$500 juta.

Amdex Corporation Sdn Bhd menandatangani perjanjian dengan Guilin City Guifa United Engineering Co., untuk mengadakan usaha sama bagi pembinaan, operasi dan pengurusan 11.44 km lebuh raya bertol yang menghubungkan Bandaraya Guilin dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Liang Jiang.

Leader Universal Holding Berhad telah bergabung dengan Shanghai Non Ferrous Metal Co Ltd untuk membuat tiub tembaga untuk tujuan kegunaan pendingin udara dan peti sejuk.

South Malaysia Industries Berhad menandatangani perjanjian dengan Tianjin No. 1 Teaching Medical Hospital untuk membangunkan pusat perubatan penyembuhan menggunakan kaedah perubatan tradisi China.

Hainan Huang Loon Agriculture Development mencapai persetujuan dengan Lingao County dari Hainan untuk membangunkan ladang buah-buahan tropika.

TG Groups of Companies menandatangani perjanjian dengan China Satellite Launch dan Tracking Control General (CLTC) untuk melancarkan Satelit Telekomunikasi Bergerak Asia Pasifik (APMT).

Sementara itu, Vibrant Waves Sdn Bhd menandatangani perjanjian dengan Lai Wu Iron and Steel Company dari China untuk menubuhkan kilang

pengeluaran aloi keluli di Gebeng, Kuantan, Malaysia. -- BERNAMA
ZS RIF MA